

Ada 31 e-hailing di Malaysia

17 SEP 2019
U.R.D
M.B.P.J.

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 16 SEPT.**

PERKHIDMATAN e-hailing di Malaysia semakin lama semakin diterima ramai. Jika dahulu ia menjadi pilihan pengangkutan oleh sebahagian golongan masyarakat, kini pelajar sekolah seawal 13 tahun sudah menaikinya ke pusat tuisyen. Dek pertumbuhan permintaan industri itu yang pesat, siapa sangka kini di Malaysia

terdapat lebih 30 syarikat telah beroperasi dan menawarkan pelbagai tawaran menarik seperti diskaun dan rebat tunai.

Kecoh sebelum ini penumpang e-hailing mengeluh kenaikan tambang. Jangan bimbang, banyak lagi alternatif lain. Anda hanya perlu rajin memuat turun aplikasi e-hailing yang lain bagi membuat perbandingan.

Persaingan sihat ini ternyata memberi kebaikan kepada para penumpang. Jadi, apakah pilihan yang ada?

UTUSAN MALAYSIA 17/09/2019 MS



GRAB

BOLEH dikatakan antara yang paling popular di Malaysia. Lebih-lebih lagi apabila Grab, penyedia perkhidmatan e-panggilan Asia Tenggara mengambil alih operasi Uber Asia Tenggara secara rasmi daripada Uber Technologies Inc. pada Mac 2018.

Sejak Grab mula beroperasi di Malaysia pada 2012, Grab berjaya mewujudkan

peluang pendapatan kepada lebih 10,000 rakan motosikal menerusi perkhidmatan GrabFood dan GrabExpress di sekitar Lembah Klang, Kuching, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Melaka dan Johor Bahru.

Perkhidmatan GrabPay sebagai dompet mudah alih juga semakin mula digunakan oleh orang ramai.



FASZZ

MYCAR



DIASASKAN oleh syarikat Platform Apps Sdn. Bhd. dan aplikasinya mula dibina pada September 2017. MyCar mula beroperasi secara rasmi dan dibuka perkhidmatannya kepada orang awam pada 1 Februari 2018.

Terdapat beberapa jenis saiz kenderaan ditawarkan dalam perkhidmatan MyCar seperti sedan, kenderaan pelbagai guna (MPV), MPV kompak dan kenderaan premium.

Bagi tujuan keselamatan pemandu dan penumpang, MyCar mempunyai sistem pengesanan tersendiri untuk memudahkan kenderaan dipantau dan ia boleh dilihat menerusi aplikasi MyCar.

BERBEZA dengan syarikat perkhidmatan e-hailing lain yang semakin kurang memberi insentif kepada pemandu, FaszZ yang dimiliki sepenuhnya oleh bumi-putera menyediakan insentif, insurans serta perlindungan kepada pemandu berdaftar. Aplikasi itu juga menekankan kepada ciri butang SOS bagi

memastikan keselamatan penumpang dan pemandu terjamin.

FaszZ diambil daripada perkataan bahasa Inggeris *fast* bermaksud laju. Laju yang dimaksudkan adalah sistem operasi yang cekap untuk memberi pengalaman pengguna menempah kenderaan secara pantas.

**SENARAI 31
PENGENDALI
E-HAILING
YANG
DILULUSKAN
BEROPERASI
OLEH AGENSI
PENGANGKUTAN
AWAM DARAT
(APAD) SETAKAT
25 JULAI 2019**

- ✓ GRAB
- ✓ BIG BLUE CUSTOMER
- ✓ TAXI GO
- ✓ DOB
- ✓ DACSEE
- ✓ EZCAB
- ✓ FASZZ
- ✓ CIOAZ
- ✓ MULA
- ✓ CHE
- ✓ PICKNGO
- ✓ MYCAR
- ✓ MYGO
- ✓ JOMRIDES
- ✓ FRENZT
- ✓ ZEPPON
- ✓ UNID
- ✓ DRIVEGTH WEWEJOURNEY
- ✓ LINKZ
- ✓ DIFFRIDE
- ✓ GET CAR

MULA

MULA Car International ditubuhkan pada September 2016 sebagai syarikat berasaskan teknologi dengan objektif untuk menyediakan pelbagai jenis pengangkutan kepada penumpang menerusi aplikasi mudah alih MULA.

Beroperasi di ibu pejabat di Pulau Pinang, syarikat mena-

warkan kenderaan baharu terdiri daripada kategori premium, MPV mewah dan kereta kompak.

Menariknya ia juga menawarkan butang SOS sebagai sokongan kecemasan kepada pelanggan.



- ✓ TUTUCARS
- ✓ EAZI CAR
- ✓ TEXSPO
- ✓ KWIKRIDE
- ✓ FIRECAB
- ✓ RIDEZ
- ✓ EEVOM
- ✓ MY2SG
- ✓ MANN GO
- ✓ NUCAR